

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
MESYUARAT KETIGA DEWAN RAKYAT, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[PENGERANG]**

TARIKH : 27 NOVEMBER 2019 (RABU)

SOALAN

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah punca kelewatan dalam membentangkan Akta Gangguan Seksual di Parlimen ini serta adakah akta ini juga akan melindungi kaum lelaki juga yang menjadi mangsa gangguan seksual.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menggubal akta berkaitan gangguan seksual yang efektif dan komprehensif, Kementerian ini perlu mendapatkan input dan pandangan daripada pelbagai pihak. Ini dilaksanakan melalui platform sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian dan agensi yang berkaitan, Badan Bukan Kerajaan serta ahli-ahli akademik. Sesi libat urus dengan Ahli-ahli Parlimen juga telah dilaksanakan pada 16 Julai 2019 yang lepas. Selain itu, maklum balas daripada orang awam juga diperoleh melalui Tinjauan Soal Selidik Gangguan Seksual secara atas talian bermula pada 5 Ogos 2019 sehingga 5 September 2019 yang melibatkan seramai 28,852 responden di Malaysia. Terkini, satu perbincangan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah diadakan pada 24 Oktober 2019 berkenaan prosedur menangani kes gangguan seksual dalam kalangan penjawat awam di hospital, yang bertujuan untuk mengenal pasti kelompongan terhadap perundungan dan prosedur dalaman sedia ada agar ia boleh ditangani melalui penggubalan akta berkaitan gangguan seksual. Bagi menyediakan draf undang-undang tersebut, Kementerian juga telah mengadakan beberapa sesi perbincangan dengan wakil Jabatan Peguam Negara (AGC) untuk melihat aspek pemakaian Kanun Tatacara Jenayah dalam pengendalian kes-kes gangguan seksual.

Pada masa ini, Kementerian bersama Pasukan Projek Khas Rang Undang-Undang Gangguan Seksual yang terdiri daripada wakil Kementerian dan agensi Kerajaan, ahli-ahli akademik serta wakil Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang luas berkenaan isu gangguan seksual sedang melakukan penambahbaikan terhadap draf rang undang-undang berkenaan berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada sesi libat urus dan perbincangan yang telah dilaksanakan. Antara elemen-elemen dalam draf tersebut yang sedang diperhalusi merangkumi definisi gangguan seksual yang menyeluruh, mekanisme pengaduan dan penyelesaian yang lebih efektif dan aspek perlindungan kepada pengadu. Elemen remedii dan penalti turut diberikan

SOALAN NO. 10

perhatian selain mengesyorkan standard pembuktian yang bersesuaian bagi kes-kes gangguan seksual. Kementerian juga berhasrat untuk melakukan penambahbaikan terhadap sistem keadilan sedia ada menerusi penubuhan tribunal khusus untuk mendengar dan menangani kes-kes gangguan seksual.

Tuan Yang di-Pertua,

Mengambil kira gangguan seksual boleh berlaku kepada sesiapa sahaja tanpa mengira usia, kaum ataupun agama dan insiden ini juga tidak terhad kepada berlainan jantina, malah boleh dilakukan oleh lelaki terhadap lelaki atau wanita terhadap wanita, maka rang undang-undang ini adalah terpakai kepada lelaki dan wanita.